

17/06/1999

Perwakilan harus menyedari agenda perjuangan

Kamal Ahmad

SETELAH 52 tahun Perhimpunan Agung Umno diadakan, parti itu terus bergerak dengan kematangan sikap dan cara bertindak ahlinya. Satu demi satu isu besar berjaya diselesaikan. Jika dulu agenda Melayu masih pada tahap mencari tapak, kini sebahagian besar daripada asas perjuangan sudah pun terlaksana. Namun, perjuangan masih belum selesai. Esok, Perhimpunan Agung Umno akan bersidang untuk kali ke-53. Ia dimulai dengan Perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita hari ini.

Pada peringkat awal, setiap kali perhimpunan agung diadakan, ramai yang datang hanya berbasikal. Segelintir saja yang mampu memiliki kereta. Ketika itu orang Melayu masih tenggelam dengan alam kemiskinan.

Sejak awal 1960-an dan 1970-an, Perhimpunan Agung Umno diadakan di merata tempat. Bersidang di hotel di kawasan Chow Kit atau Kampung Baru, Kuala Lumpur ketika itu, sudah dianggap satu kejayaan besar.

Pada 1980-an persidangan Umno diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) - maju setapak lagi. Ini diikuti di Nirwana Ballroom, Hotel Hilton. Persidangan di hotel lima bintang itu menandakan satu perubahan besar kepada Umno, walaupun terpaksa menyewa.

Hari ini, Umno sudah memiliki bangunannya sendiri. Dewan Merdeka di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) menjadi tempat perwakilan menyuarakan pandangan mereka untuk membela nasib bangsa.

Gaya dan penampilan perwakilan sekarang juga jauh berbeza berbanding 10 atau 20 tahun lalu. Jika dahulu perwakilan menginap di hotel kelas dua dan tiga, kini mereka mampu membuat tempahan berkelompok di hotel mewah.

Dari segi kemampuan ekonomi, kebanyakan perwakilan dahulunya datang secara rombongan menaiki bas sewa khas, kini mereka memandu kereta sendiri bersama keluarga. Jika tidak menginap di hotel sekali pun, mereka menumpang di rumah keluarga atau sahabat handai di bandar raya. Sudah ramai orang Melayu yang berjaya dan tinggal di kawasan elit. Perkara ini tidak pernah dimimpikan tanpa perjuangan Umno. Ramai juga pemerhati yang datang untuk sama-sama menghayati perjuangan sendiri. Kedatangan mereka tanpa dipaksa. Mereka sanggup mengeluarkan wang kocek sendiri kerana sedar bahawa perbincangan dalam Perhimpunan Agung Umno, membawa seribu janji untuk orang Melayu.

Apakah masih ada pihak yang mahu menafikan bahawa Umno tidak berbakti kepada bangsa Melayu? Mereka yang mendapat nikmat itu bukan setakat pemimpin, malah setiap rakyat jelata. Bak kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apa salahnya Umno dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk mengkayakan orang Melayu?

Hari ini orang Melayu bukan sahaja mampu membeli sebungkus kerepek pisang 200 gram berharga RM3 atau sebungkus asam kecut dengan harga RM2. Malah, mereka mampu membeli sepasang sutera dengan harga RM500 yang dijual di Bazar Umno yang diadakan setiap kali Perhimpunan Agung Umno diadakan.

Jika dahulu perwakilan yang diberi peluang berucap hanya berminat menghentam pemimpin yang berada di atas pentas, kini mereka tampil dengan idea bernas membantu mencari jalan menangani apa juga masalah yang membebankan fikiran pemimpin. Ini hasil pembabitan kalangan cerdik pandai, profesional dan teknokrat dalam perwakilan - juga hasil perjuangan Umno.

Pasti ada perwakilan masih ingat bagaimana isu teksi dan permit kontraktor pernah memanasakan punggung Menteri Perusahaan Awam ketika itu, Datuk Napsiah Omar. Begitu juga dengan kelantangan perwakilan menghentam Tengku Razaleigh Hamzah dan Parti Melayu Semangat 46 (S46) pada

perhimpunan 1988.

Ini diikuti tindakan tegas perhimpunan yang meluluskan pindaan perlembagaan parti untuk menangani penyelewengan dalam pemilihan parti - politik wang, pada 1995.

Ramai juga tidak lupa bagaimana perwakilan mendesak tindakan tegas terhadap penjualan akhbar Rokat dan Harakah secara terbuka pada perhimpunan 1997.

Keceluparan media asing melaporkan penggeseran pucuk pimpinan tertinggi Umno juga dihentam hebat pada perhimpunan itu.

Tahun lalu pula, perwakilan menyaksikan kepanasan isu kronisme, nepotisme dan rasuah yang memaksa Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, mengambil tindakan tegas dengan membuat satu pendedahan 'siapa yang dimaksudkannya' itu.

Sesungguhnya semua ini penuh sejarah dan wajib dijadikan teladan dan sempadan.

Roda sejarah tidak pernah berhenti berputar. Perwakilan Pemuda dan Wanita Umno yang berhimpun hari ini serta perwakilan Perhimpunan Agung Umno mulai esok perlu insaf bahawa mereka mempunyai agenda perjuangan. Pilihan raya hampir tiba. Ini adalah masa untuk merapatkan perpaduan bagi menghadapi sebarang halangan.

Jangan membangkitkan isu sekadar untuk menarik perhatian. Walaupun tahun ini tidak ada pemilihan parti, janganlah bertindak untuk mencari nama. Tahun depan ada pemilihan dalam parti. Janganlah perhimpunan kali ini dijadikan tempat untuk mencari kedudukan.

Sejarah Umno menunjukkan parti itu tidak pernah runtuh jika digugat dari luar tetapi ia pernah roboh akibat 'dikerjakan dari dalam' oleh ahlinya. Peristiwa hitam 1987/1988 dan 1998 wajar dikenang oleh segenap warga Umno serta Melayu sekali gus sebagai bukti bahawa betapa buruk kesannya apabila Umno berpecah apatah lagi tumpas di gelanggang politik negara.

(END)